

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)7

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB JOSHUA WOO SZE ZENG**

7. Apakah kadar denda harian yang dikenakan ke atas syarikat Teto Engineering Sdn Bhd yang bertanggungjawab dalam pembinaan projek Gurney Bay sekiranya mereka gagal menyiapkan kerja seperti dijadualkan?
- (a) Apakah jumlah keseluruhan denda yang telah dikenakan ke atas syarikat kontraktor tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Pemajuan Gurney Bay adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyediakan kawasan Taman Rekreasi Awam kepada orang ramai. Projek Pembangunan Gurney Bay ini dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Pada 29 Mac 2022, Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat Teto Engineering Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama bagi melaksanakan projek ini. Tarikh mula projek adalah pada 31 Mac 2022 dan tarikh siap asal adalah pada 30 Mac 2023 bagi Fasa 1. Kerajaan Negeri telah memberi tempoh lanjutan masa atau *extension of time* (EOT) iaitu EOT pertama dari 30 Mac 2023

sehingga 29 Mei 2023, EOT kedua dari 29 Mei 2023 sehingga 4 Julai 2023 dan EOT ketiga dari 4 Julai 2023 sehingga 30 November 2023. Kelulusan EOT diberikan kepada kontraktor adalah disebabkan kerja-kerja tambahan bagi struktur *seawall*, *revetment works* dan *rock excavation* bagi kerja-kerja cerucuk.

Projek Gurney Bay Fasa 1 telah siap dan dibuka untuk kunjungan orang awam bermula pada 4 Februari 2024 iaitu lewat dari tarikh asal yang ditetapkan. Kelewatan kontraktor menyiapkan projek ini menyebabkan denda dikenakan kepada kontraktor iaitu Syarikat Teto Engineering Sdn. Bhd. Kadar denda harian yang dikenakan ke atas syarikat tersebut kerana gagal menyiapkan kerja seperti yang dijadualkan adalah sebanyak RM24,756.27/hari bagi Fasa 1, manakala bagi projek Fasa 2 pula adalah sebanyak RM83,613.59/hari.

(a) Jumlah keseluruhan denda untuk projek Fasa 1 yang telah dikenakan ke atas Syarikat Teto Engineering Sdn. Bhd. adalah sebanyak RM1,609,157.55 atau bersamaan dengan 65 hari kelewatan.